

'Pasar Dato Keramat sangat daif'

PM mahu pembangunan semula pasar itu diberi perhatian

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan semula Pasar Dato Keramat di sini yang dilihat sangat daif.

Anwar berkata, perkara itu telah dimaklumkan kepada kepada Menteri Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh.

"Pasar Dato Keramat ini saya tengok masalahnya dahulu DBKL bagi kepada syarikat swasta, (tetapi) gagal. Jadi, DBKL baru ambil balik dan saya fikir kita perlu beri perhatian kerana keadaannya sangat daif."

"Insya-ALLAH saya telah beritahu Datuk



Anwar beramah mesra bersama pelanggan ketika membuat lawatan ke gerai-gerai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Medan Selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz pada Jumaat.

Seri Johari dan Datuk Bandar pun ada di sini. Kita beri perhatian serta keutamaan sebab saya rasa tak boleh bertahan secara begitu, sangat daif," kata Anwar ketika dijumpai selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Ibnu Mas'ud, Jalan Damai di sini pada Jumaat.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan

ke Pasar Dato Keramat dan medan selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz di sini.

Perdana Menteri berkata, medan selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz pula kini dalam proses naik taraf dan dijangka siap sebelum Oktober ini.

Sementara itu, Johari berkata, isu melibatkan pemaju terdahulu yang sepatutnya

membangunkan Pasar Dato Keramat telah selesai kerana pihak berkenaan sudah menyerahkan semula tanah itu kepada DBKL dan menerima pulangan deposit.

"DBKL dahulu telah jualkan tanah kepada pemaju yang berjanji hendak membangunkan Pasar Dato Keramat, namun selepas enam tahun ia masih belum dibuat.

"Bila tak buat, DBKL nak buat pun tak boleh, nak baiki pun tak boleh, sebab dia (pemaju) dah bayar 10 peratus tak silap saya. Jadi, lepas saya jadi wakil rakyat, saya desak DBKL tarik balik (penjualan tanah)," katanya.

Beliau berkata, kini terpulang kepada DBKL untuk mengambil langkah seterusnya bagi menjalankan usaha untuk menaik taraf pasar berkenaan.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Sementara itu, katanya kerajaan komited untuk terus berusaha menangani kos sara hidup dalam meringankan beban rakyat.

Beliau berkata, menerusi pelbagai langkah dilaksanakan, kadar inflasi berjaya dikawal pada dua peratus manakala kadar pengangguran stabil pada paras 3.3 peratus.